

Skuad Lipan Bara bantu jemaah haji

Petugas haji berada di *checkpoint* tertentu bantu jemaah dalam kesulitan

MENUJU KE BAITULLAH
BADRULDIN ZAKARIA
MELAPORKAN DARI
TANAH SUCI MAKKAH

Sudah menjadi lumrah di sini, jemaah haji terutama warga emas tersasar dan lupa arah jalan pulang ke penginapan masing-masing selepas melakukan ibadat di Masjidil Haram.

Penulis sendiri pernah terserempak dengan enam jemaah haji wanita warga emas yang dilihat mundar-mandir kerana keliru jalan pulang apabila laluan kebiasaan mereka ditutup pengawal Masjidil Haram.

Tidak mahu kerohanian mereka berpanjangan, penulis bersama rakan petugas media agensi lain menawarkan

diri untuk membantu mereka menunjukkan arah pulang ke penginapan masing-masing.

"Alhamdulillah syukur dapat jumpa anak-anak (petugas media) semua kerana mak cik dah cuba nak cari jalan pulang tapi tak jumpa, mungkin sebab jemaah lain pun ramai jadi tak nampak jalan," katanya.

Apabila sudah mengiringi mak cik-mak cik itu berjalan beberapa meter, kelihatan petugas haji yang ditugaskan khas untuk berada di *checkpoint* tertentu bagi membantu jemaah dalam kesulitan.

Petugas ini berbaju merah dengan lencana petugas haji, berseluas hitam dan membawa beg sandang memudahkan jemaah mengenali bahawa mereka adalah petugas yang akan membantu jemaah.

Di sini mereka popular dengan nama Skuad Lipan Bara kerana penampilan berbaju merah dan bergerak dalam kumpulan.

Mereka merupakan Unit Peronda yang terdiri daripada anggota Polis Bantuan Tabung Haji (TH) yang telah dibentuk khas untuk membantu jemaah bermula 26 Mei



WAN SHAMSOL

MOHD SHAHER

lalu hingga ke operasi haji berakhir.

Buat masa ini sebelum operasi Masyair, seramai 18 anggota Skuad Lipan Bara akan bertugas selama 24 jam mengikut giliran tiga syif di lapan lokasi ditetapkan di sekitar Masjidil Haram.

Ketua Unit Peronda, Wan Shamsol Husin berkata, lokasi itu ialah di kawasan tandas di Marwah kerana kebiasaannya jemaah apabila keluar tandas hilang arah untuk kembali ke dalam masjid semula.

Katanya, lokasi kedua di sekitar pintu Marwah, pintu Assalam (Pos 3), kawasan dataran Safawah ke Ajyad (Pos 4), kawasan dataran laluan Zamzam Tower (Pos 5), kawasan dataran laluan ke Misfaloh (Pos 6).

Ujarnya, di kawasan dataran luaran ke Hafaeer terdapat dua pos menempatkan dua petugas kerana kawasan itu luas.

Menurut Wan Shamsol, Skuad Lipan Bara juga mempunyai hubungan baik dengan pengawal Masjidil Haram yang memudahkan urusan membantu jemaah.

"Kita juga bantu jemaah yang ada masalah kesihatan seperti menghantar mereka menaiki kenderaan disediakan TH untuk ke lokasi ditetapkan.

"Anggota kita turut dilengkapi gunting bagi membantu jemaah yang kadangkala tidak dapat melengkapkan tahalul selepas melakukan tawaf dan saie," katanya.

Seorang anggota Skuad Lipan Bara, Mohd Shaher Sharif berkata, tugasannya di sini agak mencabar kerana perlu peka untuk mengenal pasti jemaah yang hilang arah.

Katanya, mereka juga perlu pantas apabila terdapat jemaah yang hadapi masalah kesihatan ketika berada di Masjidil Haram dan memerlukan bantuan segera untuk dirujuk ke hospital.

"Semua cabaran itu dapat diatasi dengan mudah kerana kami bergerak sebagai satu pasukan dan skuad ini sudah berpengalaman untuk berhadapan dengan pelbagai situasi," katanya.

